



EDISI 4 / 2022

e-BULETIN

HASIL

**BERSAMA-SAMA
TUNAIKAN
TANGGUNGJAWAB
UNTUK NEGARA**



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



@LHDNMofficial



03-8911 1000

1. E-TELEGRAPHIC TRANSFER (e-TT)

Sistem e-TT diperkenalkan mulai 1 April 2022 bagi bayaran cukai melalui kaedah *Telegraphic Transfer* (TT), Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Pindahan GIRO Antara Bank (PIBG) dari dalam dan luar negara bagi pelbagai jenis bayaran cukai pendapatan. Jenis bayaran cukai yang terlibat bagi penggunaan sistem e-TT adalah :

- i. Cukai Pendapatan
- ii. Cukai Pendapatan (Petroleum)
- iii. Kompaun
- iv. Seniman Kembara
- v. Cukai Pegangan (Melibatkan satu penerima sahaja)
- vi. CKHT – Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh (Seksyen 21B)

Sistem ini akan menjana Nombor Akaun Maya (*Virtual Account Number (VA)*) sebagai identiti pengenalan bayaran. Nombor VA adalah nombor 14 digit yang merupakan nombor identiti pengenalan bayaran. Nombor ini akan digunakan oleh pembayar cukai sebagai nombor akaun bayaran semasa membuat bayaran.

Maklumat berhubung sistem ini boleh dilihat dalam Kenyataan Media HASiL bertarikh 3 Mac 2022 melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Kenyataan Media.

2. DUITNOW SEBAGAI MEDIUM BAYARAN BALIK

Bermula 1 Mac 2022, DuitNow disediakan dalam Borang Nyata Tahun Taksiran 2021 sebagai pilihan tambahan kaedah bayaran balik lebihan cukai kepada pembayar cukai dengan menggunakan nombor pengenalan atau nombor passport.

Pembayar cukai perlu memastikan mereka telah mendaftar kemudahan DuitNow dengan bank masing-masing sebelum memilih kaedah tersebut dalam borang cukai mereka.

Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah tersebut tidak berjaya dilaksanakan, bayaran balik akan diproses semula secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) menggunakan maklumat nombor akaun dan nama bank pembayar cukai mengikut rekod serta data daripada HASiL.

Sebarang persoalan lanjut boleh disalurkan kepada Borang Maklum Balas Pelanggan melalui pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>

3. E-PERMOHONAN PINDAAN BE

Jika anda terlebih lapor pendapatan atau terkurang tuntut pelepasan dalam e-BE yang telah dihantar, pindaan boleh dibuat melalui e-Permohonan Pindaan BE. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Borang cukai asal dihantar secara e-Filing (Borang e-BE),
- ii. Borang e-BE dihantar dalam tempoh (tidak lewat),
- iii. e-Permohonan Pindaan BE hanya boleh dihantar sekali dalam sahaja tahun taksiran tersebut, dan
- v. Dokumen sokongan perlu dimuat naik mengikut format yang ditetapkan dalam ruangan yang telah disediakan.

e-Permohonan Pindaan BE bagi e-BE Tahun Taksiran 2021 boleh diakses mulai 1 April 2022 melalui <https://mytax.hasil.gov.my> > e-Filing.

4. SEKSYEN 107D DAN SEKSYEN 109DA, ACP 1967

Dalam Bajet 2022, antara peruntukan seksyen baharu yang diperkenalkan berkuat kuasa 1 Januari 2022 adalah Seksyen 107D dan Seksyen 109DA, ACP 1967. Berikut adalah pengenalan ringkas bagi seksyen-seksyen tersebut :

PERKARA	SEKSYEN 107D	SEKSYEN 109DA
Pengenalan	Syarikat pembayar wajib meremitkan potongan cukai bagi bayaran tunai kepada ejen, pengedar dan pengagih (individu pemastautin)	Pendapatan daripada agihan unit amanah <i>Retail Money Market Fund (RMMF)</i> kepada pelabur selain individu bermastautin dan tidak bermastautin
Kadar Cukai	2%	24%
Tempoh Peremitan	30 hari selepas pembayaran dibuat	Satu bulan selepas pembayaran dibuat
Jenis Borang	CP107D	CP37E(R) : Pelabur Selain Individu (Mastautin) CP37E(NR) : Pelabur Selain Individu (Tidak Mastautin)

Penerangan lanjut berhubung cara pelaporan boleh dilihat dalam borang-borang yang dinyatakan melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun > Cukai Pegangan.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASIL TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT ATAU MENYAMBUNGKAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM,

MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.